



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

KERJA-KERJA PEMBINAAN DUA (2) BUAH PADANG BOLA SEPAK SINTETIK, KERJA TANAH, PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN TAPAK CADANGAN PEMBANGUNAN ARENA SUKAN, PRESINT 4, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

NO. TENDER : PPj/T/JB/11/2021

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Gred: G6 Kategori: CE Pengkhususan: CE 21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteaan Awam) DAN CE 22 (Trek Padang Permainan Sintetik) Dan Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Untuk Taraf Bumiputera</p>	<p>15 November 2021 (Isnin) 10.00 pagi Bilik Mesyuarat Cemara, Blok C, Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>15 November 2021 (Isnin) sehingga 25 November 2021 (Khamis) Kauunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia RM300.00 (Tidak dikembalikan) Tunai/Deraf Bank Perbadanan Putrajaya</p>	<p>6 Disember 2021 (Isnin) 12.00 Tengah hari Kauunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM300,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **15 November 2021 (Isnin), jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Blok C, Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **PEMILIK SYARIKAT (SEBAGAIMANA NAMA DI DALAM SIJIL SSM/BORANG 9, 24, & 49)** adalah **DIWAJIBKAN (sila bawa bersama Sijil Asal dan Cop Syarikat)** dan Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**. Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
7. Tender ini akan ditutup pada **6 Disember 2021** bersamaan hari **Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:

**KAUNTER JUALAN TENDER/SEBUT HARGA, ARAS 3,
BANGUNAN ANNEXE, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA,
24, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3,
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

9. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya turut boleh dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh petender;
 - ii. Petender hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selawat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
 - iii. Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak/hilang; dan
 - iv. Sebarang tuntutan kerugian yang timbul dalam pelaksanaan ini tidak akan dipertimbangkan.
10. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Sila ambil perhatian, Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas negeri/daerah. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:
www.ppj.gov.my